

Nama Calon :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR

PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026 TASAWWUR ISLAM TINGKATAN 5

5226

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan objektif pelbagai bentuk dan **Bahagian B** mengandungi **enam** soalan subjektif.
3. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan.
4. **Kertas peperiksaan** ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Bahagian	No. Soalan	Markah Penuh	Markah diperoleh
A			
B	1		
	2		
	3		
	4		
	5		
	6		
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mempunyai **18 halaman bercetak** termasuk muka hadapan

Bahagian A

[20 markah]

*Jawab semua soalan***Soalan 1 hingga soalan 4**

Gariskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

No	Pernyataan	Pilihan jawapan
1.	Keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli.	Akidah / Ibadah / Akhlak
2.	Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.	‘Alamiyyah / Syumuliyyah/ Waqi’iyyah
3.	Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal.	Ekonomi / Pekerjaan / Muamalat
4.	Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu.	Al-Rahnu / Al-Ijarah / Al-Wadi’ah

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang betul.

Islam	Suami	Zakat	Sistematik
Iman	Isteri	Baitulmal	Integriti

5. Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya merujuk kepada maksud _____.
6. Antara tanggungjawab _____ dalam sebuah rumahtangga ialah memastikan setiap ahli keluarga mentaati perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.
7. Institusi _____ berfungsi untuk menguruskan harta orang Islam yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri .
8. _____ merujuk kepada etika tadbir urus Islam iaitu menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri.



Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Sifat Mahmudah dalam Pergaulan	
Jawapan	Pernyataan
R	Melaksanakan tanggungjawab mengikut prosedur serta tidak mempunyai kepentingan peribadi.
Penyayang	Saling menyayangi antara sesama ahli masyarakat.
S	Berfikiran positif terhadap semua pihak.

9. R ialah _____

10. S ialah _____

Soalan 11 dan soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.


Ciri Pentadbir dan Pengurus yang Baik	
Jawapan	Pernyataan
T	Berupaya menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi untuk melaksanakan pembaharuan.
Inovatif	Menjana idea baharu ke arah kemajuan.
U	Bersikap telus dalam melaksanakan tadbir urus sesebuah masyarakat dan negara.

11. T ialah _____

12. U ialah _____

Soalan 13 dan soalan 14

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.




13. V ialah _____

14. W ialah _____

Soalan 15 dan soalan 16

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



15. Y ialah _____

16. Z ialah _____

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

17. Manusia perlu memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT agar dapat menerima kebenaran dan menolak kebatilan. ☐
18. Konsep ibadah dalam Islam melibatkan kegiatan manusia dari segi rohani sahaja. ☐
19. Antara etika kerja dalam Islam ialah akur terhadap segala arahan ketua walaupun bertentangan dengan syarak. ☐
20. Hukuman qisas tidak boleh diubah atau dibatalkan setelah sabit kecuali pihak yang menuntut bela memaafkannya dan diganti dengan bayaran diat. ☐



Bahagian B
[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja.

1

Tahap iman manusia boleh bertambah dan berkurang. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berusaha melakukan amal yang berkaitan dengan pegangan akidah dalam Islam supaya dapat merasai kemanisan iman.

- (a) i. Senaraikan **dua** amalan yang berkaitan dengan pernyataan di atas . [2 markah]

- ii. Bincangkan kepentingan amalan tersebut terhadap individu. [4 markah]



Gambar : Sorang Lelaki Memberi Makanan Kepada Orang Miskin

iii. Bagaimanakah anda mengaplikasikan sifat di atas bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera? [4 markah]

(b) Jelaskan etika kerja menurut Islam. [2 markah]

(c) i. Nyatakan **dua** jenis pemilikan harta beserta contoh. [4markah]

ii. Senaraikan **empat** sistem ekonomi konvensional. [4 markah]

2 (a) i. Apakah maksud wahyu? [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** fungsi wahyu terhadap akhlak. [4 markah]



- (b) Terangkan **dua** keistimewaan insan berbanding makhluk lain.

[4 markah]



Gambar: Kemalangan jalan raya

- (c) i. Senaraikan **dua** matlamat perundangan Islam yang ingin dicapai berdasarkan gambar di atas.

[2 markah]

ii. Terangkan **dua** implikasi sikap tersebut kepada pengguna jalan raya . [4 markah]

iii. Pada pandangan anda, bagaimanakah cara untuk memupuk pemandu yang berhemah di jalan raya? [4 markah]

Anak yang soleh sentiasa mendoakan kedua ibu bapa mereka sama ada yang masih hidup atau telah meninggal dunia

- 3 (a) i. Pernyataan di atas merupakan tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa. Jelaskan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seorang anak selain di atas. [2 markah]

- ii. Mengapakah Islam menitikberatkan kewajipan tersebut kepada seorang anak? [4 markah]

- iii. Terangkan **dua** implikasi sekiranya seorang anak tidak menunaikan kewajipan tersebut. [4 markah]



(b) Terangkan **dua** ciri pentadbiran dan pengurusan Islam.

[4 markah]

(c) i. Senaraikan **dua** elemen pembentukan negara Islam.

[2 markah]

ii. Jelaskan dua kepentingan melaksanakan tuntutan dan tanggungjawab khilafah mengikut syariat Islam.

[4 markah]

4 (a) i. Nyatakan maksud *Waqi'iyah*.

[2 markah]

ii. Jelaskan **dua** ciri prinsip *Waqi'iyah*.

[4 markah]

(b) Terangkan **dua** cara memupuk akhlak mulia dalam kehidupan.

[4 markah]

Institusi kewangan Islam ialah badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yang mengutip sumber-sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam.

(c) i. Berdasarkan pernyataan diatas, nyatakan **empat** jenis institusi kewangan yang terdapat di Malaysia.

[4 markah]

Pn Habsah ingin mengembangkan perniagaan kerepak pisang yang dijalankan sejak tahun 2020. Beliau ingin memiliki sebuah mesin pemotong pisang yang boleh menampung permintaan pelanggan terhadap kerepek yang diusahakannya.

ii. Cadangkan **dua** jenis muamalat yang sesuai bagi membantu perusahaan Pn Habsah.

[2 markah]

iii. Pada pandangan anda, bagaimanakah muamalat tersebut dapat meningkatkan ekonomi umat Islam?

[4 markah]

“Setiap minuman yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan adalah haram”

(Hadis Riwayat Muslim)

5 (a) i. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan hukuman Islam bagi kesalahan tersebut.

[2 markah]



ii. Ramalkan kesan kepada golongan remaja sekiranya mereka melakukan perbuatan tersebut?

[4 markah]



Gambar : PLKN 3.0

iii. Terangkan **dua** kelebihan program tersebut kepada golongan remaja.

[4 markah]

- (b) i. Nyatakan maksud perundangan Islam.

[2 *markah*]

- ii. Jelaskan **dua** matlamat sistem perundangan Islam.

[4 *markah*]

- (c) Bagaimanakah cara untuk memastikan pelaksanaan kehakiman Islam dijalankan mengikut ketentuan syariat?

[4 *markah*]

- 6 (a) Jelaskan **dua** matlamat sistem sosial Islam.

[4 markah]

- (b) i. Senaraikan **dua** asas pergaulan Islam.

[2 markah]

- ii. Jelaskan dua kepentingan prinsip pergaulan Islam dalam kehidupan seharian?

[4 markah]



Gambar : Perpindahan mangsa banjir

- (c) i. Jelaskan contoh tanggungjawab pemimpin yang bersesuaian dengan gambar di atas.

[2 markah]

- ii. Terangkan **dua** tindakan bagi memastikan tanggungjawab di atas dapat dilaksanakan dengan baik.

[4 markah]

Integriti bermaksud bersikap telus dalam melaksanakan tadbir urus sesebuah masyarakat dan negara

iii. Pada pandangan anda, bagaimanakah sikap tersebut dapat menjamin sesebuah pentadbiran yang baik ? [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



SERTAI TELEGRAM @exercise_students